



**JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT
(JISTM)**
www.jistm.com



KAJIAN TERHADAP PEMATUHAN PROSIDUR OPERASI PIAWAI YANG MENYEBABKAN PENINGKATAN KES COVID- 19 DI MALAYSIA PADA GELOMBANG KE-3

STUDY ON COMPLIANCE WITH STANDARD OPERATING PROCEDURES THAT CAUSED THE INCREASE OF COVID-19 CASES IN MALAYSIA IN THE 3rd WAVE

Muhammad Aliff Imran Nor Azmi^{1*}, Khairul Izzat Khairul Nizam², Nor Azrin Adila Mohamad³,
Rabiah Abdul Kadir^{4*}

¹ Fakulti Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a190558@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a190550@siswa.ukm.edu.my

³ Fakulti Pusat Pengajian Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a189337@siswa.ukm.edu.my

⁴ Institut IR4.0, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: rabiahivi@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.08.2022

Revised date: 30.08.2022

Accepted date: 25.09.2022

Published date: 29.11.2022

To cite this document:

Azmi, M. A. I. N., Nizam, K. I. K., Mohamad, N. A. A., & Kadir, R. A. (2022). Kajian Terhadap Pematuhan Prosedur Operasi Piawai Yang Menyebabkan Peningkatan Kes Covid-19 Di Malaysia Pada Gelombang Ke-3. *Journal of Information System and Technology Management*, 7 (28), 125-135.

DOI: 10.35631/JISTM.728008

Abstrak:

Coronavirus-2019 (COVID-19) merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Wabak Covid-19 ini bermula di Wuhan, China dan seterusnya merebak ke seluruh dunia. Malaysia juga terbeban dengan penyakit berjangkit Covid-19 dan ianya telah diklusterkan mengikut kadar turun naiknya gelombang jangkitan virus ini. Peningkatan mendadak kes Covid-19 di Malaysia pada gelombang ke-3 tanpa mengira umur dan jantina. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 pada gelombang ke-3 dan menentukan kadar pematuhan Prosedur Operasi Piawai (SOP) di kalangan masyarakat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan kes Covid-19 pada gelombang ke-3 adalah disebabkan oleh ketidakpatuhan SOP dikalangan masyarakat di Malaysia.

Kata Kunci:

Prosedur Operasi Piawai (SOP), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Covid-19

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Abstract:**

Coronavirus-2019 (COVID-19) is an infectious disease caused by the SARS-CoV-2 virus. The Covid-19 outbreak started in Wuhan, China, before spreading to every country in the world. Malaysia is also burdened with the infectious disease Covid-19 and it has been clustered according to the fluctuating rate of the wave of this virus infection. Regardless of age or gender, the massive increase in Covid-19 cases in Malaysia during the third wave. Therefore, this study aims to identify factors that contribute to the increase in Covid-19 cases in the third wave and determine the level of compliance with Standard Operating Procedures (SOP) among the community during the Movement Control Order (MCO). The findings of this study demonstrate that community non-compliance with SOP in Malaysia was the reason for the increase in Covid-19 cases in the third wave.

Keywords:

Standard Operating Procedures (SOP), Movement Control Order (MCO), Covid-19

Pengenalan

Coronavirus-2019 (COVID-19) merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Wabak Covid-19 ini bermula di Wuhan, China. Kes pertama bagi di Malaysia bermula daripada tiga orang warga negara China yang memasuki Malaysia melalui negeri Johor. Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mangsa merupakan wanita yang berusia 66 tahun dan dua orang kanak-kanak berumur 11 tahun yang merupakan cucu kepada wanita tersebut. Ketiga-tiga mangsa merupakan ahli keluarga terdekat kepada kes pertama yang berlaku di Singapura.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh 'My Health KKM' pada 29 Januari 2021, terdapat peningkatan secara mendadak bagi kes Covid-19. Pada gelombang pertama, kes dilaporkan hanya 22 kes dan pada gelombang kedua iaitu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan Malaysia (PKP) ialah sebanyak 651 kes. Seterusnya pada gelombang kedua semasa Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan Malaysia (PKP) pertama dan kedua ialah sebanyak 4314 kes direkodkan. Pada gelombang kedua semasa Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan Malaysia (PKP) ketiga dan keempat pulak kes direkodkan sebanyak 1311. Pada gelombang kedua semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) merekodkan sebanyak 2038 kes. Pada gelombang kedua semasa Perintah Pergerakan Pemulihan (PKPP), sebanyak 1831 kes direkodkan. Kenaikan kes secara mendadak direkodkan pada gelombang ketiga Covid-19 iaitu sebanyak 193 766 kes.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 5 Mei 2020 menunjukkan peningkatan yang mendadak semasa gelombang ketiga. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) merangkap Komander Greater Klang Valley Special Task Force, Dato Dr Chong Chee Kheong berkata peningkatan mendadak kes Covid-19 pada gelombang ketiga adalah kesan kumulatif daripada aktiviti yang berlaku sepanjang tempoh tersebut.

Kelonggaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan mendadak kes Covid-19 sepanjang tempoh itu (Amree, A.

2021; Azmi, Z., (2021). Kewujudan pelbagai varian Covid-19 juga menyebabkan penularan kes Covid-19 semakin bertambah. Walau Bagaimanapun, adakah rakyat Malaysia mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan?

Kajian Literatur

Berdasarkan pembacaan terhadap beberapa kajian dan artikel, pengkaji mendapati bahawa Coronavirus-2019 (COVID-19) memberi impak yang besar kepada banyak sektor terutamanya sektor sosial dan ekonomi (Jamal, A.Z., 2021, Mohamed, S.S., 2020, Nurhaziqah, H., 2021). Pengkaji mendapati bahawa bagi sektor sosial, masyarakat pada masa kini banyak menyalahkan sesama sendiri dan menuding jari tanpa memeriksa terlebih dahulu. Malah, ada sesetengah masyarakat yang menyalahkan pihak berkuasa dan tidak mengikut arahan pihak berkuasa sehingga menyebabkan peningkatan kluster kes Covid-19 (Amir Abd Hamid, S. R., 2020). Selain daripada itu, ada sesetengah masyarakat yang menyerang pihak berkuasa di laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* sambil menyebarkan berita palsu sebagaimana dilaporkan dalam berita harian pada 14 November 2021. Hal ini menyebabkan rakyat menjadi panik dan ketidakharmonian di dalam negara kita.

Pada masa yang sama, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan di seluruh negara memberikan impak yang besar dalam sektor ekonomi. Pemulihan ekonomi akibat pandemik Coronavirus-2019 (COVID-19) ini merupakan cabaran yang besar bagi Malaysia yang mengamalkan ekonomi perdagangan. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi global yang perlahan tetapi peralihan sistem pemerintahan yang berlaku semasa pandemik. Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa COVID-19 ini memberikan kesan kepada sektor pendidikan (Tarkar, 2020). Hal ini kerana, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan, semua sektor institusi Pendidikan seperti universiti dan sekolah ditutup dan fungsi pendidikan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya.

Dengan itu, jelaslah bahawa sekiranya kes COVID-19 menunjukkan trend peningkatan, ia akan menimbulkan pelbagai masalah dan cabaran yang akan menyebabkan rakyat terbeban dan tidak dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Metodologi

Kajian ini dijalankan bermula dengan pengumpulan data, penganalisaan ke atas data terkumpul dengan mengambil kira beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan kes jangkitan Covid-19 seperti pematuan SOP, kelonggaran PKP, dan kemunculan varian baru. Seksyen ini akan membincangkan dengan lebih terperinci kajian ini dijalankan.

Kaedah Pengumpulan Data

Data yang digunakan bagi kajian ini merupakan data sekunder dimana ia merupakan data yang telah dihasilkan atau direkodkan oleh pihak lain. Data yang digunakan diperolehi daripada portal “MyHealth KKM”, carian di laman web “Google” dan aplikasi “My Sejahtera”. Data daripada laman web ini merupakan data daripada kerajaan yang boleh diakses daripada laman web rasmi, tepat dan terperinci. Data daripada laman web dan aplikasi ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 adalah merujuk kepada kadar saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Jadual 1: Jumlah Kompaun Pelanggaran SOP pada 20 Hari Pertama PKP 2.0 (31 Julai 2021-19 Ogos 2021)

Hari	Jumlah Individu Dikompaun	Peratusan
1-3	1,323	12.88%
4-6	1,318	12.83%
7-9	1,884	18.34%
10-13	2,079	20.24%
14-16	1,332	12.96%
17-20	2,335	22.73%

Analisis Kadar Saman Dikeluarkan Oleh Pihak Berkuasa Semasa Pandemik Covid-19 Gelombang Ke-3

Kajian ini menggunakan kaedah analisis penyediaan data secara kuantitatif. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah perisian seperti Microsoft Excel untuk mengkaji analisis kadar saman atau kompaun yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa semasa pandemik Covid-19 pada gelombang ke-3. Data-data yang diperoleh adalah daripada laman sesawang rasmi MOH Malaysia. Microsoft Excel ini digunakan kerana cirinya yang mesra pengguna dan mudah diakses dan juga merupakan instrumen utama kajian. Manakala penyediaan data secara normalisasi ini juga bertujuan untuk mendapatkan koleksi data yang bersih.

Jadual 2: Kadar Saman atau Kompaun yang Dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa semasa Pandemik Covid-19 pada Gelombang Ke-3

Agensi	Gagal memakai pelitup muka	Gagal mengamalkan penjarakan sosial	Gagal merekodkan butiran diri	Tidak menyediakan peralatan suhu	Tiada aplikasi Mysejahtera	Lain-lain kesalahan dibawah akta 342	JUMLAH	%
PDRM	574	1,058	22	46	2,621	5,226	9,547	99.58
KPDNHEP	1	0	0	0	26	2	29	0.30
JKKP	0	0	3	0	3	5	11	0.11
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0

Jadual 2 menunjukkan bahawa pihak berkuasa PDRM mengambil tindakan mengkompaun pesalah yang paling banyak bagi setiap kesalahan. Pihak PDRM mengeluarkan sebanyak 574 kompaun kepada pesalah yang gagal memakai pelitup muka, sebanyak 1,058 yang gagal mengamalkan penjarakan sosial, 22 kompaun dikeluarkan bagi mereka yang gagal melengkapkan rekod kesihatan diri semasa memasuki premis, dan 2,621 kompaun dikenakan kepada orang ramai yang gagal menunjukkan rekod Mysejahtera semasa memasuki premis serta sebanyak 5,226 kompaun dikenakan bagi pesalah yang melanggar kesalahan-kesalahan lain dibawah Akta 342 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit.


Terdapat juga agensi lain yang mengambil tindakan dengan mengkompaun pesalah yang melanggar SOP yang telah dinyatakan oleh kerajaan seperti agensi KPDNHEP dan JKPP. PDRM merupakan sebuah agensi yang mengenakan kompaun paling banyak iaitu sebanyak 9,547 kompaun dikeluarkan bersamaan 99.58% dari nilai keseluruhan kompaun dan saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa

Analisis Faktor Penyumbang Kepada Peningkatan Kes Covid-19 Pada Gelombang Ke-3

Jadual 3 menunjukkan jumlah kes Covid-19 pada gelombang ketiga di Malaysia pada selang tiga hari. Didapati bilangan kes jangkitan terus meningkat daripada 50,700 ke pada tiga hari pertama dan 84,561 dalam hari ke-20 dengan peningkatan sebanyak 33,861 untuk tempoh 20 hari. Peningkatan jangkitan yang tidak terkawal menyebabkan rakyat menjadi panic dan seterusnya memberi impak yang tidak sihat untuk ekonomi, pendidikan dan sektor industri di Malaysia. Rajah 1 menunjukkan carta bar bagi peningkatan tersebut.

Jadual 3: Jumlah kes Covid-19 Semasa Gelombang Ketiga di Malaysia

Hari	Jumlah kes Covid-19 semasa gelombang ketiga di Malaysia
1 ke 3	50700
4 ke 6	57520
7 ke 9	58834
10 ke 13	79675
14 ke 16	62684
17 ke 20	84561



Rajah 1: Jumlah kes Covid-19 Gelombang Ke-3 di Malaysia (31 Julai 2021-19 Ogos 2021)

Tidak Mematuhi SOP

Faktor utama peningkatan kes Covid-19 adalah kerana ketidakpatuhan rakyat Malaysia terhadap Prosuder Operasi Standard (SOP) terutamanya pemakaian pelitup muka yang semakin diabaikan (Azlan, et. al., 2022). Menurut Datuk Masidi Manjun, pemantauan di lapangan mendapati kebanyakan masyarakat tidak memakai pelitup muka dan kurangnya kesedaran dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan bilangan kompaun harian yang dikeluarkan. Menurut beliau, pada 29 August 2021, sebanyak 20 kompaun telah dikeluarkan dan 9 daripadanya adalah membabitkan kesalahan tidak memakai pelitup muka. Selain itu, menurut Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Ago Dagang, seramai 3 0111 individu dikenakan kompaun atas kesalahan tidak memakai pelitup muka dan 3 082 individu pula dikompaun kerana gagal mengamalkan penjarakan fizikal setakat 14 December 2021. Keadaan ini berlaku kerana kelesuan pandemik (Pandemic Fatigue) yang dihadapi oleh rakyat Malaysia (Ahmad, et. al. 2021; Boyd, et. al., 2020). Masyarakat mula lesu dan alpa dalam mematuhi SOP setelah Program Imunisasi Covid-19 mula diperkenalkan bermula hujung tahun 2020.

Kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan

Seterusnya, faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 adalah kelonggaran perintah larangan pergerakan terutamanya pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi, kebenaran berhimpun beramai-ramai telah menyebabkan kes semakin meningkat di seluruh negeri (Shah, et.al., 2020; Yong & Sia, 2021). Kes melibatkan pekerja kilang semakin meningkat setelah pembukaan semula semua sektor ekonomi (AbdulLateef, et.al., 2021). Saman yang melibatkan peniaga dan pemilik premis juga meningkat. Hal ini dapat dilihat melalui melalui kompaun yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Menurut Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid sebanyak RM3.67 juta kompaun telah dikeluarkan melibatkan peniaga di seluruh negara. Kompaun ini melibatkan 764 kes pelbagai kesalahan premis perniagaan dan KPDNHEP telah melakukan pemeriksaan terhadap 228,223 premis perniagaan. Antara kesalahan yang direkodkan ialah gagal daftar masuk menggunakan buku dan aplikasi MySejahtera.

Kemunculan Varian Baru

Faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan kes covid harian adalah kemunculan varian baru iaitu varian Omicron (Okpeku, 2022). Kes pertama varian Omicron (B.1.1.529) telah dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation – WHO) oleh Afrika Selatan pada 24 November 2021 daripada spesimen ujian yang telah diambil pada 9 November 2021. Varian Omicron yang mempunyai 32 mutasi pada protein spike ini telah tersebar dengan cepat di seluruh dunia (Queenie, et.al., 2022). Justeru, pada 26 November 2021, WHO telah mengisytiharkan varian Omicron sebagai Variant of Concern (VOC) dan menggantikan varian Delta sebagai varian dominan. Penyelidik dari China melaporkan, pesakit Omicron BA.1 yang sudah mendapatkan vaksinasi menghasilkan antibodi yang mampu meneutralkan virus COVID-19 asal, bagaimanapun sub varian Omicron yang merebak ketika ini bermutasi dan membolehkan virus mengelak daripada antibodi terbabit (Deepa, et.al, 2021). Kes ini menjadi sebab kepada peningkatan kes covid yang direkodkan dari hari ke hari.

Analisis Kajian

Dalam kajian ini, analisis deskriptif akan dilakukan dengan menggunakan dua kaedah iaitu analisis deskriptif berangka dan analisis deskriptif bergraf. Analisis ini dapat menyusun,

menganalisis dan menyampaikan data dengan cara yang berkesan dalam membanding dan meramalkan data. Perisian yang digunakan dalam menyiapkan dan menganalisis data adalah perisian Microsoft Excel dan Microsoft Power BI.

Analisis Deskriptif Berangka

Analisis deskriptif berangka akan meringkaskan data yang telah dikategorikan dalam satu nilai bagi menggambarkan sukatan memusat dan taburan data. Analisis deskriptif berangka yang digunakan adalah nilai min dan sisihan piawai. Min ialah purata sesuatu data manakala sisihan piawai pula memberi gambaran kepadatan dan penyebaran sesuatu set data. Tujuan utama kaedah ini digunakan adalah untuk meringkaskan data yang diperolehi.

Bagi objektif pertama iaitu mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 pada gelombang ke-3, teknik hasil tambah data pada setiap faktor akan digunakan bagi memenuhi hasil keseluruhan jumlah data. Tujuannya adalah untuk membuat perbandingan faktor mana yang menjadi penyumbang terbesar kenaikan kes Covid-19 pada gelombang ke-3.

Bagi objektif kedua iaitu menentukan kadar pematuhan SOP di kalangan masyarakat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), teknik min dan sisihan piawai akan digunakan. Setiap data mentah yang diperolehi akan dikumpul dan dimasukkan ke dalam perisian Microsoft Excel bagi membuat pengajian dan pengumpulan data. Hasil daripada keseluruhan analisis akan dapat dilihat bahawa min menggambarkan purata jumlah masyarakat yang mematuhi SOP manakala sisihan piawai menunjukkan taburan kadar penduduk yang tidak mematuhi SOP.

Analisis Deskriptif Bergraf

Bagi memahami data, menggambarkan sesuatu data secara visual dengan menggunakan carta atau graf bagi menghasilkan maklumat yang lebih mudah difahami berbanding dengan hanya menunjukkan taburan kekerapan data tersebut. Teknik ini mampu memberikan kefahaman yang lebih berkesan. Maka analisis deskriptif bergraf akan dilakukan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah visual asas seperti carta pie, carta palang bertindih dan histogram. Teknik ini bertujuan untuk mempersembahkan data secara visual dan membolehkan perbandingan data dilihat dengan lebih jelas,

Pemilihan analisis deskriptif bergraf bagi objektif pertama ialah carta bar. Hal ini kerana carta bar amat berkesan memberi penilaian yang akan dibuat pada objektif pertama. Objektif pertama memerlukan kepada kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 pada gelombang ke-3.

Bagi objektif kedua, carta pie akan digunakan bagi menunjukkan data. Carta pie akan dibina bermula dengan membuat pengiraan peratusan bagi jumlah saman yang dikeluarkan terhadap penduduk yang tidak mematuhi SOP. Tujuan penggunaan carta pai adalah untuk merangkum serta memberi gambaran yang lebih jelas berkenaan data yang akan dianalisis.

Keputusan Eksperimen


Visualisasi Kajian

Visualisasi data yang digunakan bagi kajian ini adalah carta bar dan carta pai kerana carta ini merupakan kaedah visualisasi yang mudah difahami bagi melihat faktor peningkatan kes Covid-19 dan kadar pematuhan SOP dalam kalangan masyarakat pada gelombang ke-3.



Rajah 2: Analisis Kajian Kadar Pematuhan SOP Pada Gelombang ke-3

FAKTOR PENINGKATAN KES COVID-19 PADA GELOMBANG KE-3



■ Tidak Mematuhi SOP ■ Kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan ■ Kemunculan Varian Baru

Rajah 3: Faktor Peningkatan Kes Covid-19

Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan hasil analisis kajian yang masing-masingnya merujuk kepada kadar pematuhan SOP pada gelombang ke-3 dan peratusan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes jangkitan Covid-19

Perbincangan

Hasil dapatan data yang telah dicari oleh pengkaji, jumlah saman terhadap individu yang tidak mematuhi SOP yang dikenakan, sebanyak 1323 saman bersamaan 12.88% diberikan pada hari pertama hingga ke-3 gelombang ketiga covid-19. Jumlah saman berkurang sedikit pada hari ke-4 hingga hari ke-6 dengan 12.83% iaitu 1318 kes saman. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah saman meningkat dengan mendadak pada hari ke-7 hingga ke-9 dengan kenaikan sebanyak 566 saman berbanding hari ke-4 hingga hari ke-6 dengan 1884 iaitu 18.34% saman yang dikeluarkan. Pada hari ke-10 hingga ke-13 jumlah ini semakin meningkat sehingga 2079 saman bersamaan 20.24%. Angka ini menurun dengan mendadak pada hari ke-14 hingga ke-16 dengan penurunan sebanyak 747 saman iaitu 2079 kes bersamaan 12.96%. Pada hari ke 18-20 pula, jumlah ini meningkat dengan angka tertinggi sebanyak 2335 kes saman iaitu dengan 22.73% kadar peratusan.

Berdasarkan kes harian semasa gelombang ketiga, 50700 kes dicatatkan pada hari pertama hingga ketiga. Seterusnya, pada hari ke-4 hingga ke-6 kes meningkat mencecah 57520 kes. Pada hari ke-7 hingga ke-9 kes meningkat dengan banyak dengan jumlah kes selama 3 hari ini menjadi 58834 kes. Peningkatan terus ditunjukkan pada hari ke-10 hingga ke-13 dengan 79675 kes. Pada hari ke 14 hingga 16 kes terkumpul berkurangan sehingga 62684. Ini menunjukkan

pengurangan sebanyak 16991 kes. Pada hari ke-17 hingga 20 kes meningkat pada kadar tertinggi 84561.

Jika dibandingkan kedua-dua data ini, jumlah kompaun yang dikenakan selaras dengan jumlah kes covid-19 harian semasa gelombang ketiga. Akan tetapi, pada hari ke-4 hingga ke-6 dan juga pada hari ke-14 hingga ke-16 berlaku pengurangan kadar kompaun tetapi kes harian covid-19 meningkat pada hari-hari tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kita dapat melihat bahawa wabak ini memberikan kesan yang sangat mendalam kepada rakyat Malaysia. Trend peningkatan kes Covid-19 ini membimbangkan rakyat Malaysia. Hal ini dapat kita lihat melalui analisis data daripada beberapa sumber data mentah kerajaan tentang peningkatan kes Covid-19 pada gelombang ke-3. Pada gelombang ini, peningkatan kes Covid-19 sentiasa meningkat dengan mendadak sehingga 5 angka dari hari ke hari. Walau bagaimanapun, masih ramai rakyat yang tidak mematuhi SOP dan menyumbang kepada kemunculan kluster baharu. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi memastikan wabak Covid-19 ini dapat dikurangkan. Kita juga mestilah mengamalkan langkah berjaga-jaga bagi memastikan wabak ini tidak menular di dalam masyarakat. Antara langkah yang boleh diambil ialah melakukan saringan dan kuarantin diri jika pulang daripada mana-mana negara yang berisiko. Kadar kompaun yang dikenakan pula adalah wajar kerana rakyat Malaysia tidak mengambil berat tentang hal ini. Dengan kes yang semakin bertambah, tidak hairanlah jumlah kompaun yang dikenakan juga semakin bertambah. Jika setiap pihak memainkan peranan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan, maka masalah ini dapat dibendung daripada terus meningkat di negara kita.

Pengakuan

Ucapan terima kasih kepada Institut IR4.0, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam kerjasama menjalankan kajian ini dan sokongan pembiayaan penerbitan di bawah dana penyelidikan GPK-4IR-2020-020.

Rujukan

- AbdulLateef Olanrewaju, AbdulRashid AbdulAziz, Christopher Nigel Preece, Kafayat Shobowale, (2021). Evaluation of measures to prevent the spread of COVID-19 on the construction sites, *Cleaner Engineering and Technology*, 5: ISSN 2666-7908, <https://doi.org/10.1016/j.clet.2021.100277>.
- Ahmad Ubaidah, Azlin Norhaini Mansor, Harwati Hashim (2021). Challenges of COVID Standard Operating Procedure Compliance in a Secondary Private School, *Creative Education*, 2021, 12, 1881-1890
- Amir Abd Hamid, S. R. (2020). *MyMetro*. Capaian: 2 Apr., <https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2020/04/561807/covid-19-kes-import-sumbang-gelombang-ke-3>
- Amree, A. (2021). *Utusan Malaysia*. Capaian: 12 Nov., <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/11/kes-covid-19-meningkat-bukan-sebab-rentas-negeri-masyarakat-yang-culas>
- Azlan, N. N. A., Baniamin, R. M. R., Idris, M. S., & Zahari, A. S. M. (2022). Non-Compliance of Standard Operating Procedure (SOP) During Movement Control Order (MCO) for

- COVID-19 in Malaysia A Conceptual Framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 774 – 784.
- Azmi, Z. (2021). Individu Yang Dikompaun pada 20 Hari Pertama PKP. Capaian: 8 Feb., https://public.flourish.studio/visualisation/5206965/?utm_source=showcase&utm_campaign=visualisation/5206964
- Boyd Sun Fatt, Sylviana Imelda Jailani, Shareen Dina Daniel, Leanne Marian Hong, Silverina Anabelle Kibat, Christy Bidder, Spencer Hedley Mogindol and Muhammad Zulhazmi Aidi. (2020). The Impact of COVID-19 Standard Operating Procedure for Businesses on Job Stress and Job Performance in Lodges and Homestays of Sukau, Kinabatangan, *Journal of Social Sciences and Humanities* 4(1), 1-12
- Deepa Vasireddy, Rachana Vanaparthi, Gisha Mohan, Srikrishna Varun Malayala, Paavani Atluri. (2021) Review of COVID-19 Variants and COVID-19 Vaccine Efficacy: What the Clinician Should Know? *Journal of Clinical Medicine Research*, 13(6):317-325
- Jamal, A. Z. (2021, May 07). Covid-19 Epidemic in Malaysia : Epidemic Progerssion, Challanges, and Response. *Front. Public Health*.
- Mohamed, S. S. (2020). *MyHealth For Life (Covid-19 Memasuki Gelombang ke-3)*. MyHealthKKM.
- Nurhaziqah, H. (2021). Wabak Covid-19 Meragut Nyawa: Cabaran Dan Kesan Kepada Masyarakat. *Proceeding Antasari International Journal*, 2(1).
- Okpeku, M. (2022). Possibility of COVID-19 eradication with evolution of a new omicron variant. *Infect Dis Poverty* 11, 30. <https://doi.org/10.1186/s40249-022-00951-7>
- Queenie Fernandes and Varghese Philipose Inchakalody and Maysaloun Merhi and Sarra Mestiri and Nassiba Taib and Dina Moustafa Abo El-Ella and Takwa Bedhiafi and Afsheen Raza and Lobna Al-Zaidan and Mona O. Mohsen and Mariam Ali Yousuf Al-Nesf and Ali Ait Hssain and Hadi Mohamad Yassine and Martin F. Bachmann and Shahab Uddin and Said Dermime. (2022). Emerging COVID-19 variants and their impact on SARS-CoV-2 diagnosis, therapeutics and vaccines, *Journal in Annals of Medicine*, 54(1):524-540, doi:10.1080/07853890.2022.2031274
- Shah AUM, Safri SNA, Thevadas R, Noordin NK, Rahman AA, Sekawi Z, Ideris A, Sultan MTH. (2020) COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal Infect*, 97:108-116. doi: 10.1016/j.ijid.2020.05.093.
- Tarkar, P. (2020). Impact of Covid-19 Pendemic on Education System. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(9):3812-3814
- Yong, S.S., Sia, J.KM. (2021). COVID-19 and Social Wellbeing in Malaysia: A case study. *Current Psychology*. <https://doi.org/10.1007/s12144-021-02290-6>